

# Bahasa Arab (913)

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada tahun 2011 sebanyak 1224 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 51.74% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

| Gred      | A    | A–   | B+   | B    | B–   | C+    | C     | C–   | D+   | D    | F     |
|-----------|------|------|------|------|------|-------|-------|------|------|------|-------|
| Peratusan | 1.16 | 2.11 | 4.13 | 6.90 | 8.12 | 13.50 | 15.82 | 7.62 | 8.49 | 7.19 | 24.96 |

## RESPONS CALON

### Kertas 913/1 (Bahasa)

#### *Komen am*

Secara keseluruhannya, prestasi calon pada tahun ini adalah lebih baik berbanding dengan tahun sebelumnya. Terdapat seorang calon yang berjaya memperoleh markah tertinggi, iaitu 77 markah daripada markah penuh 100 markah dan seorang calon yang mendapat markah terendah, iaitu 0 markah.

Secara umumnya, prestasi calon dalam bahagian karangan, pemahaman, dan tatabahasa adalah baik. Kesemua enam soalan karangan, iaitu soalan 1 hingga 6, dan kedua-dua soalan kefahaman, iaitu soalan 8 dan soalan 9 ialah soalan yang beraras sederhana. Perkataan-perkataan yang digunakan dalam tajuk karangan dan teks tersebut mudah difahami. Dalam bahagian tatabahasa pula, dua daripada tiga soalan ialah soalan yang beraras sederhana, iaitu soalan 11 dan 12 manakala soalan 13 ialah soalan yang beraras sukar.

#### *Komen soalan demi soalan*

#### BAHAGIAN I: *Karangan*

##### Soalan 1

Soalan ini menghendaki calon menyatakan salah satu amalan gotong-royong yang pernah dilakukan penduduk di sekitar kediaman calon. Selain itu, calon dikehendaki menyatakan faedah-faedah amalan gotong-royong ini.

Kebanyakan calon yang memilih soalan ini dapat memberikan jawapan dengan baik. Calon menceritakan amalan-amalan yang dilakukan secara bergotong-royong yang biasa dilakukan penduduk di sekitar kediaman mereka. Antara amalan gotong-royong yang dikemukakan calon gotong-royong untuk majlis kenduri kahwin, kenduri kesyukuran, majlis qurban, dan sebagainya.

Calon juga dapat menceritakan kemeriahan suasana gotong-royong tersebut yang akhirnya dapat meringankan beban kerja selain daripada mengeratkan hubungan silaturahim sesama jiran.

## **Soalan 2**

Soalan ini menghendaki calon menyatakan kesan baik dan buruk akibat penggunaan telefon bimbit dalam kalangan pelajar.

Kebanyakan calon yang memilih soalan ini dapat menjawabnya dengan baik. Antara kebaikan penggunaan telefon bimbit ialah pengguna dapat menjimatkan masa dan kos ketika membuat sebarang panggilan. Dalam dunia yang serba moden kini, telefon bimbit bukan sahaja digunakan untuk menghubungi seseorang, malahan telefon bimbit ini dilengkapi dengan pelbagai aplikasi, terutamanya bagi pelajar yang melanggan perkhidmatan Internet. Melaluinya, pelajar dapat mencari pelbagai maklumat dengan mudah dan cepat. Namun demikian, di sebalik kecanggihan alat komunikasi ini, dibimbangkan pelajar tidak dapat memanfaatkannya dengan baik sehingga mereka lalai dan membazirkan masa melayari laman web yang tidak berfaedah dan lebih malang lagi pelajar yang diharapkan kecemerlangan akademik dan sahsiahnya oleh ibu bapa ini menjadi sampah masyarakat.

## **Soalan 3**

Soalan ini menghendaki calon menyatakan kesan kenaikan harga minyak petrol kepada pengguna tempatan.

Kebanyakan calon yang memilih soalan ini memberikan jawapan yang lemah. Calon hanya menyatakan satu atau dua kesan kenaikan harga minyak petrol kepada pengguna tempatan, antaranya kenaikan harga barang secara mendadak terutamanya barang makanan dan barang keperluan harian. Hal ini akan menyusahkan pengguna terutamanya orang miskin dan mereka yang berpendapatan rendah. Bagi menampung kos perbelanjaan keluarga yang semakin meningkat, kebanyakan pengguna terpaksa mencari pendapatan tambahan dengan melakukan pelbagai kerja sambil. Hal yang demikian menyebabkan masa untuk berehat dan bersama-sama dengan keluarga telah berkurangan.

## **Soalan 4**

Soalan ini menghendaki calon menyatakan kepentingan belajar bahasa Arab dan masalah untuk mempelajarinya.

Tidak banyak calon yang menjawab soalan ini. Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya, calon yang menjawabnya dapat memberikan isi-isi yang relevan, mampu menghuraikannya dengan baik, dan memberikan contoh yang berkaitan. Antara kepentingan belajar bahasa Arab ialah pengguna bahasa itu dapat membuat rujukan tentang tafsir al-Quran dan hadith yang kebanyakannya terdapat dalam kitab-kitab berbahasa Arab. Selain itu, calon boleh menggunakan bahasa Arab untuk berkomunikasi dengan orang Arab terutamanya ketika menunaikan ibadat haji dan umrah. Terdapat juga beberapa masalah yang dihadapi calon dalam mempelajari bahasa Arab ini, antaranya ialah calon sukar untuk mempelajarinya kerana mereka lemah dalam bidang tatabahasa Arab.

## **Soalan 5**

Soalan ini menghendaki calon menyatakan fenomena kegawatan ekonomi yang melanda kebanyakan negara baru-baru ini. Calon juga dikehendaki menyatakan punca dan kaedah untuk mengatasi masalah ini.

Tidak banyak calon yang menjawab soalan ini. Hanya sebilangan kecil calon yang memilih soalan ini. Ini mungkin disebabkan bentuk soalan seperti ini yang dianggap sukar dan memerlukan perbendaharaan kata yang banyak. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini tidak dapat mengemukakan isi dengan baik. Kelemahan calon dalam bidang tatabahasa dan kekurangan perbendaharaan kata menyebabkan idea

yang ingin disampaikan tidak jelas dan sukar untuk difahami. Calon sepatutnya menyatakan punca yang menyebabkan berlakunya kegawatan ekonomi yang melanda kebanyakan negara baru-baru ini, seperti perbelanjaan yang boros dan lain-lain.

#### **Soalan 6**

Soalan ini menghendaki calon menyatakan kepentingan bersukan kepada individu dan masyarakat.

Kebanyakan calon yang memilih soalan ini dapat mengemukakan isi penting dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah bersukan dapat meningkatkan tahap kesihatan seseorang selain merapatkan hubungan silaturahim dalam masyarakat. Namun demikian, bersukan perlu dilakukan mengikut cara yang betul agar peserta tidak mengalami kecederaan dan dapat mengelak diri daripada pertenggaran.

### **BAHAGIAN II: *Terjemahan***

#### **Soalan 7**

Soalan ini menghendaki calon menterjemahkan petikan teks bahasa Melayu ke dalam bahasa Arab. Kebanyakan calon tidak dapat menterjemahkan petikan yang diberikan ke dalam bahasa Arab dengan betul. Mereka hanya menterjemahkan perkataan yang diketahuinya dan meninggalkan beberapa perkataan lain yang tidak diketahui terjemahannya, seperti 'mencakupi', 'kepercayaan', 'ekonomi', dan 'perjuangan'. Terdapat juga calon yang cuba menterjemahkan petikan tersebut tetapi tidak menggunakan gaya bahasa Arab. Mereka masih terpengaruh dengan gaya bahasa teks asal, iaitu gaya bahasa Melayu. Hal ini berlaku kerana calon cuba menterjemahkan teks tersebut dengan cara terjemahan perkataan demi perkataan. Sepatutnya terjemahan itu dilakukan mengikut ayat demi ayat. Ada juga calon yang mengekalkan beberapa perkataan, bahasa Melayu dalam terjemahan mereka. Hal yang demikian disebabkan mereka lemah dalam bidang tatabahasa selain kekurangan perbendaharaan kata mengenai tajuk tersebut.

### **BAHAGIAN III: *Kefahaman***

#### **Soalan 8**

Soalan (a), (b), dan (c) menghendaki calon mengemukakan jawapan berdasarkan teks yang diberikan. Kebanyakan calon dapat mengemukakan jawapan yang betul. Namun demikian, kegagalan calon untuk mengolah ayat mengikut kehendak soalan telah menyebabkan calon tidak mendapat markah penuh. Terdapat juga calon yang hanya memetik mana-mana ayat atau bahagian petikan untuk dijadikan sebagai jawapan tanpa mengambil kira kehendak soalan. Soalan (d) pula menghendaki calon membina ayat yang lengkap dengan menggunakan perkataan yang diberikan. Kebanyakan calon hanya dapat membina dua daripada empat ayat yang dikehendaki. Soalan (e) pula menghendaki calon membariskan hujung perkataan yang digariskan di bawahnya. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini kerana kelemahan dalam bidang nahu.

#### **Soalan 9**

Soalan (a), (b), dan (c) menghendaki calon mengemukakan jawapan berdasarkan teks yang diberikan. Kebanyakan calon dapat mengemukakan jawapan daripada petikan tetapi gagal untuk mengolah jawapan mereka dengan menggunakan gaya bahasa mereka sendiri. Hal ini menyebabkan calon tidak mendapat markah penuh. Terdapat juga calon hanya memetik mana-mana ayat atau bahagian petikan dan mencantumkan menjadi jawapan tanpa mengambil kira isi dan kehendak soalan. Soalan (d) pula menghendaki calon membina ayat yang lengkap dengan menggunakan perkataan yang diberikan. Kebanyakan calon hanya dapat menjawab satu daripada empat soalan yang dikemukakan. Hal yang demikian berlaku disebabkan

calon kekurangan perbendaharaan kata dan tidak memahami maksud perkataan tersebut. Soalan (e) pula menguji kemahiran calon dalam bidang i'rab bagi perkataan yang bergaris di bawahnya. Kebanyakan calon tidak dapat memberikan jawapan dengan betul. Hal ini berlaku kerana calon tidak memahami makna perkataan tersebut selain kelemahan dalam bidang nahu.

#### BAHAGIAN IV: *Meringkaskan Karangan*

##### **Soalan 10**

Soalan ini menghendaki calon meringkaskan satu petikan yang panjangnya kira-kira 270 patah perkataan kepada rumusan yang panjangnya tidak lebih daripada 90 patah perkataan dengan menggunakan gaya bahasa mereka sendiri. Kelemahan calon amat ketara dalam bahagian ini, terutamanya dari segi teknik meringkaskan karangan. Kebanyakan calon hanya menyalin petikan asal, meninggalkan perkataan tertentu, dan mencantumkannya dengan perkataan yang lain. Hal ini menyebabkan ringkasan karangan tersebut sukar difahami dan tidak memperlihatkan wacana yang utuh. Calon sepatutnya mengenal pasti isi penting terlebih dahulu dan kemudian mengolahnya dengan menggunakan tatabahasa dan penanda wacana yang betul untuk menghasilkan satu ringkasan karangan yang berkualiti.

#### BAHAGIAN V: *Qawaid*

##### **Soalan 11**

Soalan (a) menghendaki calon mengenal pasti *mudhaf ilaih*, *isim fail*, *isim maful*, *isim tafdhil*, dan *sifat mushabbahah* dalam petikan yang diberikan. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini tidak dapat menjawabnya dengan baik. Hal ini berlaku kerana calon lemah dalam penguasaan tatabahasa. Soalan (b) pula menghendaki calon mengenal pasti *maful mutlak* dan jenisnya bagi setiap ayat yang diberikan. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini dapat menjawabnya dengan baik.

##### **Soalan 12**

Soalan (a) menghendaki calon menghasilkan satu teks pendek yang menceritakan seorang lelaki kaya yang pemurah. Calon dikehendaki menggunakan jenis perkataan yang diberikan dalam menghasilkan teks tersebut. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini dapat menjawabnya dengan baik. Soalan (b) pula menghendaki calon membina ayat dengan menggunakan gaya bahasa tertentu berdasarkan situasi tertentu seperti dalam contoh yang diberikan. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini dapat menjawabnya dengan baik.

##### **Soalan 13**

Soalan (a) menghendaki calon menghasilkan satu teks pendek yang menceritakan keluarga mereka dengan menggunakan unsur nahu yang diberikan. Hanya sebahagian kecil calon dapat menjawabnya dengan betul. Hal ini disebabkan oleh kelemahan calon dalam ilmu nahu. Soalan (b) pula menghendaki calon mengisi tempat kosong dengan menggunakan pecahan perkataan yang sesuai berdasarkan kata sumber yang diberikan. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini hanya dapat menjawab dua daripada lima soalan yang dikemukakan. Hal ini berlaku kerana calon lemah dalam penguasaan ilmu nahu dan *saraf*.

## **Kertas 913/2 (Kesusasteraan)**

### ***Komen am***

Secara keseluruhannya, prestasi calon pada tahun ini adalah lemah. Berdasarkan jawapan yang diberi jelas menggambarkan bahawa calon tidak menguasai teknik menjawab soalan yang dikemukakan.

### **BAHAGIAN I: *Puisi***

#### **Soalan 1**

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan tiga kesan kemunculan Islam yang membawa perubahan bahasa Arab dari sudut pengertian sesuatu perkataan. Kebanyakan calon dapat menjawabnya dengan baik. Antara kesannya ialah Islam melalui kitabnya, iaitu al-Quran telah meluaskan pengertian perkataan daripada hanya pengertian bahasa kepada pengertian istilah. Umpamanya, perkataan 'mukmin', 'muslim', 'solat', dan sebagainya. Pada zaman jahiliah, perkataan mukmin diambil daripada perkataan 'aman', perkataan 'muslim' bererti orang yang tunduk, dan perkataan 'solat' membawa erti doa. Setelah Islam muncul, penggunaan perkataan-perkataan tersebut tidak lagi menunjukkan perkataan daripada sudut bahasanya sahaja, tetapi telah digunakan untuk pengertian istilah yang baharu. Sebagai contoh, pengertian mukmin yang dimaksudkan oleh Islam ialah orang Islam yang memenuhi syarat-syarat tertentu dalam kehidupan dan ibadat mereka. Soalan (b) pula menghendaki calon menyatakan latar belakang penulis puisi tersebut. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini dapat menjawabnya dengan baik. Antara jawapan yang dikemukakan calon ialah penulis tersebut yang bernama Abu al-Walid Hassan bin Sabit al-Ansari merupakan salah seorang penyair yang masyhur pada zaman Rasulullah s.a.w. Beliau merupakan seorang tokoh penyair yang terkenal dalam kalangan Muhadramin, iaitu suku kaum Najjar yang menetap di Madinah. Beliau juga merupakan salah seorang penduduk Madinah yang memeluk Islam bersama-sama orang Ansar ketika Rasulullah s.a.w berhijrah dari Mekah ke Madinah. Soalan (c) menghendaki calon menyatakan tiga isi penting yang terdapat dalam puisi yang dikemukakan. Kebanyakan calon hanya dapat menyatakan dua daripada tiga isi penting yang dikehendaki. Hal ini berlaku kerana calon kurang memahami teks puisi yang diberikan. Soalan (d) menghendaki calon mengenal pasti dua perkataan dalam puisi tersebut yang berkaitan dengan aqidah Islam. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik.

#### **Soalan 2**

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan sebab perkembangan puisi pada zaman Umawi. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang dikemukakan oleh calon ialah kehidupan orang Arab yang berpuak-puak ketika itu telah menyebabkan bidang puisi semakin berkembang. Pemerintah Umawi memang sengaja membiarkan rakyatnya hidup berpuak-puak agar mereka tidak bersatu untuk menentang pemerintah. Ekoran itu, muncul semula kegiatan kecam-mengecam, serang-menyerang, bangga-membangga antara penyair yang mewakili suku masing-masing. Perselisihan dan percakaran ini telah menggugat perpaduan umat Islam dan kestabilan masyarakat ketika itu. Namun demikian, perselisihan dan percakaran ini meninggalkan karya yang banyak terutamanya dalam bidang puisi. Soalan (b) pula menghendaki calon menyatakan latar belakang penulis dan sebab puisi tersebut dicipta. Kebanyakan calon hanya dapat menyatakan sebahagian isi mengenai latar belakang penyair tersebut dan sebab puisi tersebut dicipta. Soalan (c) menghendaki calon menyatakan dua isi penting yang terdapat dalam puisi tersebut. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik kerana tidak memahami kandungan puisi yang diberikan. Soalan (d) menghendaki calon mengenal pasti dua unsur *kinayah* yang terdapat dalam puisi tersebut. Kebanyakan calon dapat menjawabnya dengan baik.

### Soalan 3

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan kesan orang Perancis terhadap kehidupan masyarakat dan kebudayaan Arab pada zaman moden. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Hal ini berlaku kerana kelemahan calon dalam mengingat fakta sejarah sastera tersebut. Antara jawapan yang dikemukakan oleh calon ialah kedatangan penjajah Perancis ke negara Mesir pada tahun 1798 telah menyedarkan bangsa Arab umumnya dan penduduk Mesir, khususnya tentang tamadun dan kemajuan yang dicapai oleh orang Barat dalam bidang ilmu pengetahuan, teknologi, dan sebagainya. Sebahagian daripada kemajuan tersebut dapat disaksikan sendiri oleh mereka kerana Napoleon turut membawa bersama-samanya alatan yang menggunakan teknologi baharu, seperti alat percetakan, kelengkapan perang, di samping beberapa orang ilmuwan dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Soalan (b) pula menghendaki calon menerangkan latar belakang penulis. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan betul. Al-Barudi atau nama sebenarnya Mahmud Sami al-Barudi telah dilahirkan di Kaherah Mesir pada tahun 1838 Masihi bersamaan tahun 1255 Hijrah. Beliau merupakan keturunan bangsawan Mameluk. Ayahnya pernah bertugas sebagai pentadbir daerah Barbar dan Danqalah di Mesir semasa pemerintahan Muhammad Ali. Beliau menamatkan pendidikan di sekolah tentera pada tahun 1854 ketika berusia 16 tahun. Kemudian, beliau berpindah ke Istanbul dan di sanalah beliau mula mengkaji bahasa dan kesusasteraan Turki dan Parsi. Setelah kembali ke Mesir, beliau berkhidmat sebagai tentera sehingga menyandang pangkat brigedier. Kemudian beliau dilantik menjadi gabenor Kaherah sebelum menjawat jawatan Menteri Pelajaran dan seterusnya Menteri Peperangan. Pada bulan Februari tahun 1882, beliau dilantik menjadi Perdana Menteri. Soalan (c) menghendaki calon menerangkan maksud perkataan yang diberikan. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Terdapat juga calon yang menjawab soalan ini dengan cara meneka kerana tidak mengetahui maksud perkataan tersebut. Soalan (d) pula menghendaki calon mengenal pasti satu gaya bahasa kinayah yang terdapat dalam rangkap keempat puisi yang dikemukakan dan menerangkan maksudnya. Hanya sebahagian kecil calon yang dapat menjawab soalan ini dengan baik manakala sebahagian yang lain menjawabnya dengan cara meneka.

## BAHAGIAN II: Prosa

### Soalan 4

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan tiga tema yang terdapat dalam khutbah zaman permulaan Islam. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik kerana calon lemah dalam mengingat fakta yang berkaitan. Antara tema yang terdapat dalam khutbah zaman permulaan Islam ialah tema seruan agar manusia beriman kepada Allah S.W.T, para rasul, malaikat, kitab-kitab, hari kiamat, serta qada' dan qadar. Soalan (b) menghendaki calon menyatakan makna frasa yang diberikan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Soalan (c) menghendaki calon menyatakan dua isi penting yang terdapat dalam khutbah tersebut. Kebanyakan calon hanya dapat menyatakan satu daripada dua isi penting yang dikehendaki. Hal ini demikian disebabkan calon lemah dalam memahami teks yang diberikan. Soalan (d) pula menghendaki calon menyatakan dua bentuk kinayah yang terdapat dalam teks khutbah tersebut. Kebanyakan calon dapat menjawabnya dengan baik.

### Soalan 5

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan tiga faktor kegemilangan prosa pada zaman Abbasiyah. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini tidak dapat menjawabnya dengan baik dan terdapat juga calon yang langsung tidak menjawabnya kerana tidak mengingat sejarah sastera yang berkaitan dengan prosa. Antara faktor kegemilangan prosa pada zaman Abbasiyah ialah perkara yang menyebabkan perkembangan prosa pada zaman Abbasiyah ialah perpindahan pusat pemerintahan Islam dari Damsyik di Syam ke

Baghdad, Iraq yang telah lama terkenal dengan keagungan tamadunnya berbanding dengan negeri Syam. Soalan (b) pula menghendaki calon menyatakan nama penulis dan perkara yang ingin dinyatakannya dalam prosa tersebut. Kebanyakan calon dapat menyatakan nama penulis tersebut iaitu, al-Jahiz. Perkara yang ingin dinyatakan oleh penulis dalam prosa tersebut pula adalah mengenai 'bidang penulisan'. Soalan (c) menghendaki calon menyatakan makna perkataan yang diberikan. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik kerana tidak memahami kandungan teks yang diberikan. Soalan (d) menghendaki calon mengenal pasti tiga unsur *tashbih* yang terdapat dalam perenggan kedua teks tersebut. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik.

#### **Soalan 6**

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan tiga peringkat perkembangan bidang cerita pada zaman moden. Hanya sebahagian kecil calon yang dapat menjawab soalan ini dengan baik manakala sebahagian yang lain tidak dapat menjawabnya. Antara peringkat perkembangan bidang cerita pada zaman moden adalah dimulakan dengan gerakan penterjemahan beberapa buah cerita Barat ke dalam bahasa Arab. Selepas itu disusuli dengan usaha untuk menghasilkan cerita sejarah dan cerita moden. Soalan (b) menghendaki calon menyatakan nama penulis dan penerima prosa yang berbentuk risalah tersebut. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Nama penulis prosa berkenaan ialah Hifni Nasif dan risalahnya ditujukan kepada Almarhum al-Sayed Taufiq al-Bakri. Soalan (c) pula menghendaki calon menyatakan dua isi penting risalah tersebut. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik kerana tidak memahami teks tersebut. Soalan (d) menghendaki calon mengenal pasti tiga unsur istiarah yang terdapat dalam teks yang diberikan. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik kerana lemah dalam bidang balaghah.

### **BAHAGIAN III: *Prima Sastera***

#### **Soalan 7**

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan makna *ijaz* dan *itnab*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Soalan (b) pula menghendaki calon mengenal pasti *ijaz* dan *itnab* bagi contoh yang diberikan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Soalan (c) pula menghendaki calon mengenal pasti unsur *kinayah* dan maknanya bagi setiap contoh ayat yang diberikan. Kebanyakan calon dapat mengenal pasti unsur *kinayah* dan memberikan maknanya dengan betul.

#### **Soalan 8**

Soalan (a) menghendaki calon mengenal pasti mushabbah dan mushab bih serta menyatakan jenis *tashbih* bagi contoh yang diberikan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Soalan (b) menghendaki calon menyatakan makna bagi setiap perkataan yang bergaris. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik.

#### **Soalan 9**

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan makna qasr dari segi istilah. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Soalan (b) menghendaki calon mengenal pasti maksur dan maksur alaih selain menyatakan kaedahnya bagi setiap contoh yang diberikan. Kebanyakan calon dapat mengenal pasti maksur dan maksur alaih tetapi tidak dapat menyatakan kaedahnya. Soalan (c) pula menghendaki calon menyatakan gharad *tashbih* bagi contoh yang diberikan. Kebanyakan calon hanya dapat menjawab dua daripada tiga soalan yang dikemukakan.

### Soalan 10

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan makna *jinas*. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Soalan (b) menghendaki calon mengenal pasti *jinas* dan menjelaskan jenisnya bagi setiap contoh yang diberikan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Soalan (c) pula menghendaki calon mengenal pasti *itnab* dan menerangkan jenisnya bagi setiap contoh yang diberikan. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan betul kerana calon lemah dalam tajuk tersebut.

### Kertas 913/3 (Ujian Lisan)

#### BAHAGIAN I: Bacaan

##### Qawaid

Umumnya, calon lemah dalam aspek nahu dan *saraf*. Kelemahan ini dapat dilihat ketika calon membaca teks yang diberikan. Terdapat calon yang cuba mengelak kesilapan dengan meninggalkan sebutan baris bagi huruf yang terakhir dan terdapat juga calon membariskan perkataan secara meneka. Kelemahan calon juga ketara apabila tidak membariskan perkataan dengan betul. Hal ini bermakna calon tidak memahami makna petikan yang dibaca, di samping tidak dapat mengenal pasti kedudukan *mubtada'*, *khavar*, *feel*, *fail*, dan huruf *jar*.

##### Fasahah

Umumnya, prestasi calon dalam aspek ini adalah lemah. Kesilapan yang sering dilakukan ialah calon membaca petikan dengan terhenti-henti, teragak-agak, dan mengulang sebutan dengan menukar sebutan baris yang tidak diyakini. Terdapat juga calon yang tidak jelas dalam menyebut huruf, seperti ط, ت, خ, د, ج, ذ, dan sebagainya. Ada juga calon yang menokok tambah perkataan lain yang tidak berkaitan atau meninggalkan sebutan perkataan yang sedia ada.

##### Ilqa'

Oleh sebab calon tidak memahami teks yang dibaca, kebanyakannya membaca secara mendatar dan tersangkut-sangkut. Selain itu, terdapat calon yang membaca teks dengan terlalu pantas sehingga mengabaikan tanda baris. Ada juga calon yang membaca teks dengan terlalu lambat kerana tidak memahami kaedah membaris dan menyebut perkataan yang diberikan. Tidak kurang juga calon yang gemuruh sehingga tidak dapat membaca dengan tenang dan lancar.

#### BAHAGIAN II: Perbualan

##### Qawaid

Umumnya, calon terlalu lemah dalam penguasaan tatabahasa Arab. Kelemahan ini dapat dikesan dalam perbualan mereka. Calon juga lemah dalam pengaplikasian pengetahuan tatabahasa. Selain itu, kesalahan juga sering berlaku, terutamanya dalam perkara asas dalam nahu, seperti penggunaan kata sandaran, kata sifat, dan kata sendi.

##### Fasahah

Kebanyakan calon berada pada tahap lemah. Antara kelemahan calon ialah berbual dengan nada yang tersangkut-sangkut dan berulang-ulang. Terdapat calon yang berbual dengan nada suara yang rendah sehingga sukar didengar dan terdapat juga calon yang tidak mampu menyebut perkataan dengan jelas melalui makhras huruf yang betul.

### *Ilqa'*

Umumnya, prestasi calon dari segi gaya penyampaian dan nada suara adalah sederhana. Calon perlu membuat latihan secara berterusan berpandukan kaedah penyampaian yang betul supaya dapat menyamai gaya sebutan orang Arab.

### *Isi*

Umumnya, calon dapat mengemukakan isi yang berkaitan dengan tajuk yang dibincangkan. Hanya calon yang terlalu lemah dalam penguasaan bahasa Arab tidak dapat mengemukakan isi yang dikehendaki.